

**SUMMARY OF REVISIONS TO CLAUSES IN LEGAL DOCUMENTATION
FOR ISLAMIC CONSUMER FINANCING FACILITIES**
*RINGKASAN PINDAAN KLAUSA-KLAUSA DI DALAM DOKUMEN UNDANG-UNDANG BAGI KEMUDAHAN
PEMBIAYAAN KONSUMER ISLAMIK*

**A) Terms and Conditions for Home Financing-i and/or Term Financing-i and/or Cashline Facility-i /
Terma dan Syarat bagi Pembiayaan Perumahan-i dan/atau Pembiayaan Berjangka-i dan/atau
Kemudahan Aliran Tunai-i**

No	Section	New / Revised Clause
1	Cashline Facility-i, item 2. Review of Account	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> The Bank shall be entitled to review the granting and/or continuation of the Cashline Facility-i at any time and from time to time, irrespective of whether or not the Cashline Facility-i or any part thereof has been utilised or disbursed or whether any event of default has occurred. <i>Pihak Bank berhak untuk menyemak pemberian dan/atau penerusan Kemudahan Aliran Tunai-i pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, tidak kira sama ada Kemudahan Aliran Tunai-i atau mana-mana bahagian daripadanya telah digunakan atau dikeluarkan atau sama ada sebarang kejadian keingkaran telah berlaku.</i> If upon such review there is any breach of the terms in the letter of offer and this Terms and Conditions or an event of default has occurred, the Bank shall be entitled to exercise its rights and powers to withdraw, cancel, suspend, terminate or recall the Cashline Facility-i or any part thereof with prior notice to you, and you shall pay to the Bank the indebtedness then due and outstanding under the Cashline Facility-i by the payment due date stipulated in the notice. <i>Selepas sebarang semakan sedemikian, sekiranya pihak Bank dapati berlakunya pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal Kemudahan Pembiayaan atau berlakunya kejadian ingkar, pihak Bank berhak untuk melaksanakan mana-mana hak dan kuasanya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, menamatkan atau menarik Kemudahan Aliran Tunai-i atau mana-mana bahagiannya dengan notis kepada anda, dan anda dengan ini bersetuju untuk membayar balik kepada pihak Bank keterhutangan yang perlu dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan Aliran Tunai-i menurut tarikh bayaran seperti yang dinyatakan dalam notis.</i>
2	Other Conditions, item 1. Variations of Profit Rate and Instalment	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> Subject to the Shariah principles, the Bank may at its discretion from time to time and with prior notice to you, vary the effective profit rate(s) due to a deterioration in your credit standing or changes in the overnight policy rate by Bank Negara Malaysia or any other charges to reflect the Bank's actual costs provided always that the maximum profit rate to be imposed shall not exceed the Ceiling Rate. <i>Tertakluk kepada prinsip Syariah, pihak Bank boleh mengikut budi bicaranya mengubah kadar keuntungan efektif disebabkan oleh kemerosotan dalam kedudukan kredit anda atau perubahan dalam kadar polisi semalaman oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang caj lain yang menggambarkan kos sebenar Bank dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu, daripada pihak Bank, dengan syarat kadar maksimum yang akan dikenakan hendaklah tidak melebihi Kadar Siling.</i>
3	Other Condition	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> Any decision or conclusion related to the Shariah matter pronounced and/or made by BNM Shariah Advisory Council and/or any related bodies will bind customer for past, present and future agreement/s. <i>Sebarang keputusan atau kesimpulan berkaitan dengan perkara Syariah yang diumumkan dan/atau dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan/atau mana-mana badan berkaitan akan mengikat pelanggan untuk perjanjian yang lalu, sekarang dan akan datang.</i> If, as a result of any change in the applicable law, regulation or regulator requirement or in the interpretation or application thereof or if in compliance of any applicable direction/s, request or requirement (whether or not having the force of law), will

		impose to the Bank any condition, burden and/or obligation, then the Bank's commitment to make or maintain the facility/ies may end. <i>Jika, akibat daripada sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan pengawal selia yang berkenaan atau dalam pentafsiran atau penerapannya atau jika mematuhi mana-mana arahan, permintaan atau keperluan yang berkenaan (sama ada yang telah dikuatkuasakan atau tidak), akan menyebabkan pihak Bank dikenakan apa-apa syarat, beban dan/atau kewajipan, maka komitmen pihak Bank untuk menyediakan atau mengekalkan kemudahan Pembiayaan tersebut mungkin berakhir.</i> The Bank reserves the right to vary the Facility and/or any of the terms and conditions stated herein from time to time with prior notice to meet the requirements of the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia and/or any legal or regulatory requirement. <i>Pihak Bank dari semasa ke semasa berhak untuk mengubah Kemudahan Pembiayaan dan/atau mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini dengan notis terlebih dahulu untuk memenuhi keperluan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan/atau sebarang keperluan undang-undang lain.</i>
4	Other Condition	<u>The following clause is added / Klausu berikut ditambah:</u> For any enquiries, suggestions or complaints, you may visit the nearest branch or alternatively reach the Bank through the contact details made available on the Bank's website at https://www.alliancebank.com.my/Contact-Us. <i>Untuk sebarang pertanyaan, cadangan atau aduan, anda boleh terus ke cawangan terdekat kami atau hubungi pihak Bank menerusi butiran yang tersedia di laman web Bank di https://www.alliancebank.com.my/Contact-Us.</i>

B) Standard Terms and Conditions for Financing Facilities / Terma dan Syarat Standard bagi Kemudahan Pembiayaan

No	Section	New / Revised Clause
1	SUPPLY OF STATEMENT AND INFORMATION	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 22.2 Notwithstanding and without prejudice to any other terms and conditions contained herein, all Financing Facilities shall be subject to review by the Bank. Therefore, the Customer and its holding company/corporate guarantor (if any) are required to submit their respective annual audited financial statements and semi-annual house financial statements within 120 and 60 days respectively after the end of each period. If the Customer or its holding company/corporate guarantor (if any) are public listed companies, they are required to submit the same within 7 days after the release of the financial results to Bursa Malaysia Berhad ("Bursa Malaysia"). <i>Walaupun apa pun dan tanpa menjejaskan mana-mana terma dan syarat lain yang terkandung di sini, semua Kemudahan Pembiayaan hendaklah tertakluk kepada semakan oleh pihak Bank. Oleh itu, Pelanggan dan syarikat induk/penjamin korporatnya (jika ada) dikehendaki untuk mengemukakan penyata kewangan tahunan teraudit dan penyata kewangan separuh tahunan masing-masing dalam tempoh 120 dan 60 hari selepas tamat setiap tempoh. Jika Pelanggan atau syarikat induk/penjamin korporatnya (jika ada) adalah syarikat tersenarai awam, mereka dikehendaki untuk mengemukakan perkara yang sama dalam tempoh 7 hari selepas keputusan kewangan dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Berhad ("Bursa Malaysia").</i> In the event that the Customer or its holding company/corporate guarantor (if any) shall fail, delay, neglect and/or refuse to comply with the above and/or such other additional information, statements as requested/required by the Bank, the Bank may then upon serving on the Customer a written notice, suspend part or all of its Financing Facilities. <i>Sekiranya Pelanggan atau syarikat induk/penjamin korporatnya (jika ada) gagal, menangguhkan, mengabaikan dan/atau enggan mematuhi perkara di atas dan/atau maklumat tambahan lain, penyata seperti yang diminta/diperlukan oleh pihak Bank tidak diberi/dikemukakan kepada pihak Bank, pihak Bank kemudiannya boleh selepas menyampaikan notis bertulis kepada Pelanggan, menggantung sebahagian atau semua Kemudahan Pembiayaannya.</i>

		If upon such review there is any breach of the terms in the letter of offer and this Standard Terms and Conditions or an event of default has occurred, the Bank shall be entitled to exercise its rights and powers to renew, restructure, suspend, vary or terminate the Customer's Financing Facilities in part or in whole and/or impose further conditions with respect to part or all of the Financing Facilities as the Bank deems fit with prior notice to you. <i>Selepas semakan kami terhadap Kemudahan Pembiayaan, sekiranya pihak Bank dapati berlakunya pelanggaran mana-mana klausa dari Terma dan Syarat Standard, pihak Bank berhak untuk memperbaharui, menstruktur semula, menggantung, mengubah atau menamatkan Kemudahan Pembiayaan Pelanggan sebahagian atau keseluruhannya dan/atau mengenakan syarat lanjut berkenaan dengan sebahagian atau semua Kemudahan Pembiayaan sebagaimana difikirkan sesuai oleh pihak Bank dan tiada apa-apa pun di sini boleh dianggap untuk mengenakan ke atas pihak Bank apa-apa kewajipan sama ada di sisi undang-undang atau dalam ekuiti untuk menyediakan dan/atau terus menyediakan Kemudahan Pembiayaan dengan notis terlebih dahulu.</i>
2	Review	<u>The following clause has been revised / Klausa berikut telah dipinda:</u> The Facilities may be reviewed from time to time at the Bank's discretion and the Bank reserves the right to amend, add to, modify and/or vary all or any of the terms and conditions in respect of the Financing Facilities due to legal and/or regulatory requirements with prior notice (where applicable) to the Customer. In accordance with normal banking practice, the Financing Facilities are subject to the Bank's customary over-riding right of payment on demand. <i>Kemudahan boleh disemak dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank dan Bank berhak untuk meminda, menambah, mengubah suai dan/atau mengubah semua atau mana-mana terma dan syarat berkenaan dengan Kemudahan Pembiayaan disebabkan oleh keperluan undang-undang dengan notis awal (jika berkenaan) kepada Pelanggan. Selaras dengan amalan perbankan biasa, Kemudahan Pembiayaan adalah tertakluk kepada hak kelaziman Bank dalam menolak bayaran atas tuntutan.</i>
3	General	<u>The following clause has been revised / Klausa berikut telah dipinda:</u> All terms and conditions including profit rates, fees, charges and commissions stipulated herein are current and are subject to changes from time to time with prior notice to the Customer. The changes may be due to a deterioration in your credit standing or changes in the overnight policy rate by Bank Negara Malaysia or any other charges to reflect the Bank's actual costs. Where facilities are regulated/funded by Bank Negara Malaysia (BNM), the terms and conditions are subject to BNM directives from time to time and may require review by the Bank where necessary. <i>Semua terma dan syarat termasuk kadar keuntungan, yuran, caj dan komisen yang ditetapkan di sini adalah terkini dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan. Perubahan mungkin disebabkan oleh kemerosotan dalam kedudukan kredit Pelanggan atau perubahan kadar polisi semalaman oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang caj lain yang menggambarkan kos sebenar Bank. Sekiranya kemudahan dikawal/dibiayai oleh Bank Negara Malaysia (BNM), terma dan syarat adalah tertakluk kepada arahan BNM dari semasa ke semasa dan mungkin memerlukan semakan oleh Bank jika perlu.</i>

C) Agency Appointment / Pelantikan Agensi

No	Section	New / Revised Clause
1	Clause 6	<u>Deletion of the clause / Klausa berikut telah dipadam:</u> I/We undertake to indemnify the Bank from any losses, costs, expenses or damages that the Bank may suffer or incur as a result of fulfilling the Bank's agency function as set out above. <i>Saya/Kami berjanji untuk melepaskan Bank daripada sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada memenuhi fungsi agensi seperti yang dinyatakan di atas.</i>

D) Facilities Agreement / Perjanjian Kemudahan

No	Section	New / Revised Clause
1	Rates/Amounts & Calculation	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 4.1 The Customer must pay to the Bank commission, facility fee, processing fee, set-up fee, banking charges and any other fees or charges payable for or under each Facility (where applicable) / <i>Pelanggan mesti membayar kepada pihak Bank caj-caj perbankan dan sebarang yuran atau caj lain yang perlu dibayar untuk atau di bawah Kemudahan Pembiayaan:</i> (a) in the respective amounts, or as the case may be, calculated at the respective rates, stated in the relevant Letter of Offer or such other document for the Facilities / <i>dalam amaun masing-masing, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dikira pada kadar masing-masing, yang dinyatakan dalam Surat Tawaran yang berkaitan atau surat-surat berikutnya yang dikeluarkan berhubung dengan Kemudahan Pembiayaan; atau</i> (b) if not stated or provided in the relevant Letter of Offer, in the respective amounts, or as the case may be, calculated at the respective rates as the Bank may from time to time impose with 21 calendar days prior notice to the Customer / <i>jika tidak dinyatakan atau disediakan dalam Surat Tawaran dan surat-surat berikutnya seperti yang disebut dalam klausa 3.1 (a), dalam amaun masing-masing, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dikira pada kadar masing-masing sebagaimana yang boleh dikenakan atau diputuskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan 21 hari kalendar notis bertulis kepada Pelanggan terlebih dahulu.</i> Commission, facility fee, processing fee, set-up fee, banking charges and any other fees or charges will be calculated in accordance with the Bank's usual practice / <i>Caj perbankan dan sebarang yuran atau caj lain akan dikira mengikut amalan biasa pihak Bank.</i>
2	Variation of commission, facility fee etc	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 4.3 Regardless of the respective amounts or rates for calculation of commission, facility fee, processing fee, set-up fee, banking charges and any other fees or charges (where applicable) payable by the Customer stated in the Letters of Offer or imposed or decided by the Bank from time to time pursuant to Clause 4.1(b), the Bank has the right from time to time by notice in writing to the Customer, to vary the amount or rate for calculation of such commission, facility fee, processing fee, set-up fee, banking charges and any other fees or charges as the Bank thinks fit in its discretion. Any variation by the Bank pursuant to this Clause 4.3 will take effect on such date specified in the notice by the Bank and not earlier than 21 calendar days from the date of the notice / <i>Tanpa mengira amaun atau kadar masing-masing untuk pengiraan caj perbankan dan apa-apa yuran atau caj lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran atau dikenakan atau diputuskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa menurut Klausu 3.1(b), pihak Bank mempunyai hak dari semasa ke semasa dengan sekurang-kurangnya 21 hari notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan, untuk mengubah amaun atau kadar bagi pengiraan apa-apa caj perbankan dan apa-apa yuran atau caj lain sepertimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya.</i> <i>Sebarang perubahan oleh pihak Bank menurut Klausu 3.3 ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis dan tidak akan berkuatkuasa lebih awal dari 21 hari kalendar berdasarkan tarikh notis yang dikeluarkan.</i>

3	Review by the Bank	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 6.1 The Facility is subject to periodic review by the Bank. The Bank on each review, has the right to do any one or more of the following with prior notice to the Customer, and in each case in such manner and/or to such extent and upon and subject to terms and conditions in the Letter of Offer for the Facility / <i>Kemudahan Pembiayaan adalah tertakluk kepada semakan berkala oleh pihak Bank. Pihak Bank pada setiap kali semakan, mempunyai hak untuk melaksanakan salah satu atau lebih daripada tindakan berikut dengan mengeluarkan notis awal kepada Pelanggan, dan dalam setiap kes dengan cara dan/atau setakat mana dan atas dan tertakluk kepada terma dan syarat sepertimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya:</i> (a) Increase or reduce the principal limit/amount or operating limit of any Facility and/or any sub-limits within any Facility and/or the total principal limit/amount of the Facilities / <i>menambah atau mengurangkan had/amaun prinsipal atau had operasi Kemudahan Pembiayaan;</i> (b) convert, add to, substitute or otherwise howsoever vary or restructure the Facilities (or any one or more of them) / <i>menukar, menambah, menggantikan atau sebaliknya mengubah atau menstruktur semula Kemudahan Pembiayaan;</i> (c) reinstate the Facility (or any part thereof) / <i>mengembalikan semula Kemudahan Pembiayaan (atau mana-mana bahagiannya);</i> (d) reschedule the payment of all or any one or more of the facilities / <i>menjadualkan semula pembayaran semua atau mana-mana satu atau lebih kemudahan pembiayaan;</i> (e) amend, supplement or otherwise vary any of the terms or conditions of the Facility or any of the terms or conditions of the Letter of Offer or this Agreement or the other Security Documents (or any of them); and/or / <i>meminda, menambah atau sebaliknya mengubah mana-mana terma atau syarat Kemudahan Pembiayaan atau mana-mana terma atau syarat Surat Tawaran atau Perjanjian ini atau Dokumen Sekuriti yang lain (atau mana-mana daripadanya); dan/atau</i> (f) terminate, cancel or recall the Facility and demand the immediate payment of all sums of moneys (principal, profit and otherwise, both actual and contingent) due or payable to the Bank under all the Facility or that Facility or those Facilities (as the case may be) so terminated, even if no Event of Default has occurred or is subsisting / <i>menamatkan, membatalkan atau menarik semula Kemudahan Pembiayaan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dan menuntut pembayaran segera bagi semua jumlah wang (prinsipal, keuntungan dan sebaliknya, kedua-duanya yang sebenar dan luar jangka/kontinjen) yang tertunggak atau perlu dibayar kepada pihak Bank di bawah semua Kemudahan Pembiayaan atau Kemudahan Pembiayaan tersebut(mengikut mana-mana yang berkenaan) yang telah ditamatkan, dibatalkan atau ditarik semula, walaupun Kejadian Keingkaran telah berlaku atau masih wujud.</i>
4	Restructuring may include conversion, addition, substitution or other variation etc	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 6.3 The restructuring of the Facility by the Bank, whether pursuant to <u>Clause 4.1 or 4.2</u>, may include or involve (but is not limited to) the following, in each case, in such manner, to such extent and on such terms and subject to such conditions as the Bank may deem necessary and may or may not involve any increase or reduction in the total principal limit/amount of the Facility for which ad valorem stamp duty is or has been paid on this Agreement at that time or for the time being / <i>Penstrukturkan semula Kemudahan Pembiayaan oleh pihak Bank, sama ada menurut Klausu 4.1 atau 4.2, mungkin termasuk atau melibatkan (tetapi tidak terhad kepada) perkara</i>

		<i>berikut, dalam setiap kes, dengan cara sedemikian, setakat mana dan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh diputuskan oleh pihak Bank mengikut keperluan dan mungkin atau mungkin tidak melibatkan apa-apa pertambahan atau pengurangan dalam jumlah had prinsipal/amaun Kemudahan di mana duti setem ad valorem adalah dibayar atau telah dibayar ke atas Perjanjian ini pada masa tersebut atau buat masa ini:</i> (i) <i>the conversion of the Facility (or any part of the Facility) into any financing or credit/banking facility of any kind or nature; and/or / penukaran Kemudahan Pembiayaan (atau mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan) kepada sebarang pembiayaan atau kemudahan kredit/perbankan dalam apa jua bentuk atau jenis; dan/atau;</i> (ii) <i>the addition of any financing, credit or banking facility; and/or / penambahan sebarang kemudahan pembiayaan, kredit atau perbankan; dan/atau /</i> (iii) <i>the substitution of the financing, credit or banking facility for the Facility; and/or / penggantian kemudahan pembiayaan, kredit atau perbankan bagi Kemudahan Pembiayaan; dan/atau</i> (iv) <i>the increase or reduction of the principal limit of the Facility, excluding Cashline Facility; and/or / penambahan atau pengurangan had prinsipal Kemudahan Pembiayaan; dan/atau</i> (v) <i>the cancellation of the Facility (or any part of it); and/or / pembatalan Kemudahan Pembiayaan (atau mana-mana bahagian daripadanya); dan/atau</i> (vi) <i>the reinstatement of the Facility (or any part of it); and/or / pengembalian semula Kemudahan Pembiayaan (atau mana-mana bahagian daripadanya); dan/atau</i> (vii) <i>the rescheduling of payment of any Facility; and/or / penjadualan semula pembayaran mana-mana Kemudahan Pembiayaan; dan/atau</i> (viii) <i>any variation of any of the terms or conditions of the Letter of Offer (or any one or more of them) or this Agreement or the other Security Documents (or any of them); and/or / sebarang pengubahan mana-mana terma atau syarat Surat Tawaran (atau mana-mana satu atau lebih daripadanya) atau Perjanjian ini atau Dokumen Sekuriti yang lain (atau mana-mana daripadanya); dan/atau</i> (ix) <i>any combination of any two or more of the above as the Bank thinks fit in its discretion / sebarang kombinasi mana-mana dua atau lebih perkara di atas sepertimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya.</i>
5	Costs and expenses of enforcement, recovery etc	<u>The following clause has been revised / Klausula berikut telah dipinda:</u> 8.2 The Customer must also bear, and pay on demand all costs, charges and expenses (including legal fees on a solicitor's client basis and all out-of-pocket expenses) incurred, paid or payable by the Bank from time to time / <i>Pelanggan juga mestilah menanggung, dan membayar apabila dituntut, semua kos, caj dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman atas dasar peguam cara pelanggan dan semua perbelanjaan tunai langsung) yang ditanggung, dibayar atau perlu dibayar oleh pihak Bank dari semasa ke semasa</i> (a) <i>in protecting or preserving any of the Bank's rights under each of the Security Documents (whether or not the Customer is a party to such Security Document); and / dalam melindungi atau memelihara mana-mana hak Bank di bawah setiap Dokumen Sekuriti (sama ada Pelanggan adalah pihak kepada Dokumen Sekuriti tersebut atau tidak); dan</i>

		(b) in exercising or enforcing any of the Bank's rights or remedies under each of the Security Documents (whether or not the Customer is a party to such Security Document), including in realising any security created in favour of the Bank under each or any of the Security Documents (whether or not the Customer is a party to such Security Document) or in recovering the whole or any or any part of the Indebtedness from the Customer or any of the Security Parties / dalam melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak atau remedi pihak Bank di bawah setiap Dokumen Sekuriti (sama ada Pelanggan adalah pihak kepada Dokumen Sekuriti tersebut atau tidak), termasuk dalam merealisasikan apa-apa sekuriti yang dibuat memihak kepada pihak Bank di bawah setiap atau mana-mana Dokumen Sekuriti (sama ada Pelanggan adalah pihak kepada Dokumen Sekuriti tersebut atau tidak) atau dalam mendapatkan semula keseluruhan atau mana-mana bahagian Keterhutangan daripada Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar.
6	Customer to open current or savings account(s) etc	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 10.1.1 The Customer is encouraged to open a current account or savings account with the Bank to service the Customer's present and future payment obligations to the Bank under or in connection with the Facilities or the Letters of Offer or this Agreement / Pelanggan digalakkan untuk membuka satu atau lebih akaun semasa atau simpanan di cawangan Bank untuk melaksanakan kewajipan pembayaran semasa dan masa hadapan Pelanggan kepada pihak Bank di bawah atau berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan atau Surat Tawaran atau Perjanjian ini.
7	Standing Instructions & Customer's obligation to keep Servicing Account(s) in sufficient funds	<u>The following clause has been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u> 10.2.1 The Customer may by way of standing instructions to the Bank, authorise the Bank to debit to and pay from the Servicing Account (or where there is more than one Servicing Account, from the relevant Servicing Account), including where applicable, the balance on any present or future overdraft/Cashline Facility-i (if any) under the Servicing Account (or where there is more than one Servicing Account, the relevant Servicing Account as determined by the Bank, or as the case may be, any of the Servicing Accounts) the sum of moneys (whether a financing payment instalment, principal sum, profit, commission, commitment fee, facility fee, banking charges or any other fees, charges, costs, expenses, taxes (including in particular but not limited to, sales and services tax or otherwise) from time to time owing or payable by the Customer to the Bank under or in connection with each or any Facility or any Letter of Offer or this Agreement or any other Security Document, as and when such sum is due to or demanded by the Bank, or at any time after that as the Bank deems fit in its discretion, together with such commission or charges as the Bank may impose or levy in accordance with its usual practice for effecting payment pursuant to standing instructions PROVIDED HOWEVER THAT the debiting of any sum or sums of moneys to any Servicing Account as mentioned above will not be treated as payment of such sum or sums of moneys except to the extent of any amount in credit in the Servicing Account which is debited (for the purposes of this <u>Clause 10</u>, the standing instructions given by the Customer to the Bank above, the "Standing Instructions") / Pelanggan boleh melalui arahan tetap kepada pihak Bank, memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit dan membayar daripada Akaun Pelaksanaan (atau jika terdapat lebih daripada satu Akaun Pelaksanaan, daripada Akaun Pelaksanaan yang berkaitan), termasuk jika berkenaan, baki daripada mana-mana overdraf / kemudahan Aliran Tunai-i semasa atau masa hadapan (jika ada) di bawah Akaun Pelaksanaan, (atau jika terdapat lebih daripada satu Akaun Pelaksanaan, Akaun Pelaksanaan yang berkaitan sepertimana yang ditentukan oleh pihak Bank, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana daripada Akaun-Akaun Pelaksanaan tersebut) jumlah wang (sama ada ansuran pembiayaan, jumlah prinsipal, keuntungan, komisen, yuran kemudahan, caj perbankan atau apa-apa yuran, caj, kos, perbelanjaan, cukai lain termasuk khususnya tetapi tidak terhad kepada, cukai jualan dan perkhidmatan atau sebaliknya) dari semasa ke semasa

		yang tertunggak atau perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah atau berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan atau Surat Tawaran atau Perjanjian ini atau mana-mana Dokumen Sekuriti lain, apabila jumlah sedemikian tertunggak kepada atau dituntut oleh pihak Bank, atau pada bila-bila masa selepas itu mengikut polisinya, bersama-sama dengan apa-apa komisen atau caj sepertimana yang dikenakan atau dilevi oleh pihak Bank selaras dengan polisinya untuk melaksanakan pembayaran menurut arahan tetap DENGAN SYARAT BAGAIMANAPUN BAHAWA pendebitan mana-mana jumlah wang tersebut ke mana-mana Akaun Pelaksanaan seperti yang dinyatakan di atas tidak akan dianggap sebagai pembayaran bagi jumlah wang kecuali setakat mana apa-apa amaun dalam kredit Akaun Pelaksanaan yang didebitkan (untuk tujuan Klausa 10 iaitu arahan tetap yang diberikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank di atas, "Arahan Tetap").
8	Terms and conditions of Bank's acceptance of standing instructions	<u>The following clause has been revised / Klausa berikut telah dipinda:</u> 10.3.5 The Customer must indemnify the Bank against all losses, costs, damages, expenses, claims and demands which the Bank may incur, pay or sustain or which may be made against the Bank by any person(s) at any time by reason of the Bank carrying out or not carrying out the Standing Instructions of the Customer, save and except where such losses, costs, damages, expenses, claims and demands were directly attributable to the Bank's gross negligence, wilful misconduct or fraud / Pelanggan mestilah menanggung rugi pihak Bank termasuk semua kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang ditanggung, dibayar atau dialami oleh pihak Bank atau yang mungkin dibuat terhadap pihak Bank oleh mana-mana orang pada bila-bila masa atas sebab pihak Bank melaksanakan atau tidak melaksanakan Arahan Tetap Pelanggan, kecuali pada keadaan di mana kerugian, kos, kerosakan perbelanjaan, tuntutan dan permintaan adalah secara langsung berpunca daripada kecuaiian melampau, salah laku sengaja atau penipuan oleh pihak Bank.
9	Modification and Indulgence	<u>The following clause has been revised / Klausa berikut telah dipinda:</u> 17.5 The Customer consents to and agrees that the Bank may without further consent of or from the Customer or any Security Party and without releasing, diminishing or otherwise affecting any of the Customer's obligations and liabilities to the Bank under this Agreement or any other Security Document to which the Customer is a party, or releasing or discharging any security or any rights or remedies which the Bank may at any time or from time to time have from or against the Customer for or on account of the Indebtedness or any other moneys or liabilities owing or payable to the Bank, at any time and from time to time as it may deem necessary / Pelanggan membenarkan dan bersetuju bahawa pihak Bank boleh tanpa kebenaran lanjut daripada Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar dan tanpa melepaskan, mengurangkan atau sebaliknya menjejaskan mana-mana kewajipan dan liabiliti Pelanggan kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini atau mana-mana Dokumen Sekuriti lain yang mana Pelanggan menjadi pihak, atau tanpa melepaskan atau membebaskan apa-apa sekuriti atau sebarang hak atau remedi di mana pihak Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa perolehi daripada atau terhadap Pelanggan untuk atau atas sebab Keterhutangan atau sebarang wang atau liabiliti lain yang terhutang atau perlu dibayar kepada pihak Bank, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut keperluan: (a) grant any time, indulgence, forbearance, concession, waiver or consent to the Customer or any Security Party or any other person / memberikan sebarang masa, kelonggaran, toleransi, konsesi, penepian atau kebenaran kepada Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar atau mana-mana orang lain; (b) terminate, novate or supplement, or amend, supplement or vary any of the terms or conditions of, or depart from the terms of, any Security Document now or from time to time in the future executed by the Customer or any Security Party in favour of the Bank / menamatkan, memindahkan atau menambah, atau meminda, atau mengubah mana-

		<i>mana terma atau syarat, atau meninggalkan terma, mana-mana Dokumen Sekuriti pada masa ini atau dari semasa ke semasa pada masa hadapan yang dilaksanakan oleh Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar memihak kepada pihak Bank;</i> (c) take up or perfect (or omit to take up or perfect) any security or guarantee from any Security Party or any other person for the whole or any part of the Indebtedness or any other moneys, obligations or liabilities of the Customer / <i>mengambil atau menyempurnakan (atau tidak mengambil atau menyempurnakan) apa-apa sekuriti atau jaminan daripada mana-mana Pihak Pencagar atau mana-mana orang lain bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian Keterhutangan atau mana-mana wang, kewajipan atau liabiliti lain Pelanggan.</i> (d) exercise or enforce (or omit to exercise or enforce or refrain from exercising or enforcing) any Security Document or any right or remedy which the Bank may now or at any time in the future have from or against the Customer or any Security Party or any other person under that Security Document or by operation of law or otherwise / <i>melaksanakan atau menguatkuasakan (atau tidak melaksanakan atau menguatkuasakan atau mengelak daripada melaksanakan atau menguatkuasakan) mana-mana Dokumen Sekuriti atau mana-mana hak atau remedi yang diperolehi oleh pihak Bank pada masa ini atau pada bila-bila masa pada masa hadapan daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar atau mana-mana orang lain di bawah Dokumen Sekuriti tersebut atau dengan cara kuat kuasa undang-undang atau sebaliknya.</i> (e) vary, extend, issue, confirm, renew, release, discharge, compromise or otherwise howsoever deal with any lien, bill, promissory note or other negotiable instrument, or any security or guarantee, or any right or remedy, which the Bank may now or at any time in the future have from or against the Customer or any Security Party or any other person (whether under any Security Document or by operation of law or otherwise); and/or / <i>mengubah, melanjutkan, mengeluarkan, mengesahkan, memperbaharui, melepaskan, membebaskan, berkompromi atau sebaliknya dalam apa jua cara sekalipun berurusan dengan mana-mana lien, bil, nota janji hutang atau instrumen boleh niaga lain, atau mana-mana sekuriti atau jaminan, atau mana-mana hak atau remedi, yang dimiliki oleh pihak Bak pada masa ini atau pada bila-bila masa pada masa hadapan daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar atau mana-mana orang lain (sama ada di bawah Dokumen Sekuriti tersebut atau dengan cara kuat kuasa undang-undang atau sebaliknya); dan / atau</i> (f) release the Customer or any Security Party from any of his obligations or liabilities to the Bank (whether under any Security Document or by operation of law or otherwise), or compound or make or effect or agree to or accept any compromise, composition or arrangement, with any Security Party or any other person / <i>melepaskan Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar daripada mana-mana kewajipan atau liabilitinya kepada pihak Bank (sama ada di bawah mana-mana Dokumen Sekuriti atau dengan cara kuat kuasa undang-undang atau sebaliknya), atau mengkompaun atau membuat atau melaksanakan atau bersetuju kepada atau menerima sebarang kompromi, komposisi atau pengaturan, dengan mana-mana Pihak Pencagar atau mana-mana orang lain.</i>
--	--	--

10	Change in market conditions, etc.	<u>The following clause has been revised / Klausula berikut telah dipinda:</u> 18.3 Regardless of what is stated in this Agreement, if in the opinion of the Bank, there is any change in national or international monetary, financial, political or economic conditions or currency exchange rates or exchange controls which materially affects its ability, or which renders it temporarily or permanently impractical or commercially not viable for the Bank, to make available or continue to make available the Facility or to perform, maintain, undertake, assume or give effect to its obligations in respect of the Facility or to fund or allow to remain outstanding all or part of the Indebtedness, the Bank has the right to cancel or terminate the Facility and demand the immediate payment of all moneys (principal, profit and otherwise, both actual and contingent) then outstanding to the Bank under the Facility or this Agreement with reasonable prior notice to the Customer / <i>Tanpa mengira apa yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, jika pada pendapat pihak Bank, terdapat sebarang perubahan dalam keadaan monetari, kewangan, politik atau ekonomi negara atau antarabangsa atau kadar pertukaran mata wang atau kawalan pertukaran yang menjejaskan keupayaannya secara material, atau yang menyebabkannya secara sementara atau kekal tidak praktikal atau tidak berdaya maju secara komersial bagi pihak Bank, untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan Pembiayaan, atau untuk melaksanakan, mengekalkan, menjalankan, memikul atau memberi kesan kepada kewajipannya berkenaan dengan Kemudahan Pembiayaan atau untuk membiayai atau membenarkan untuk kekal tertunggak semua atau sebahagian daripada Keterhutangan, pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan atau menamatkan Kemudahan Pembiayaan dan menuntut pembayaran segera semua wang (prinsipal, keuntungan dan selainnya, kedua-duanya yang sebenar dan luar jangka/kontinjen) yang belum dijelaskan kepada pihak Bank di bawah Kemudahan Pembiayaan atau Perjanjian ini dengan notis awal kepada Pelanggan.</i>
11	General Indemnity	<u>The following clause has been revised / Klausula berikut telah dipinda:</u> 19.1 The Customer must indemnify the Bank against any loss or expense (including legal fees on a solicitor-client basis) which may be incurred or suffered by the Bank at any time as a result of any default by the Customer or any other Security Party in payment of any moneys or liabilities (whether principal, profit or otherwise, actual or contingent, present or future) owing or payable to the Bank under this Agreement or any other Security Document or as a result of the occurrence of any other Event of Default / <i>Pelanggan mesti menanggung rugi pihak Bank terhadap apa-apa kerugian atau perbelanjaan (termasuk yuran guaman atas dasar peguam cara-pelanggan) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh pihak Bank pada bila-bila masa akibat daripada sebarang keingkaran oleh Pelanggan atau mana-mana Pihak Pencagar lain dalam pembayaran apa-apa wang atau liabiliti (sama ada prinsipal, keuntungan atau sebaliknya, sebenar atau kontinjen, semasa atau masa hadapan) terhutang atau perlu dibayar kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini atau mana-mana Dokumen Sekuriti lain atau akibat daripada berlakunya sebarang Kejadian Keingkaran yang lain.</i>
12	Variations and Amendments	<u>The following clause has been revised / Klausula berikut telah dipinda:</u> 25.3 The Bank is entitled at any time or from time to time by notice in writing to the Customer, to amend or otherwise vary any of the terms, conditions or other provisions of, or to supplement, any of the Letters of Offer or this Agreement or any other Security Document as it may deem necessary and such amendments, variations or supplements will take effect after 21 calendar days from the date of such notice / <i>Pihak Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari kepada Pelanggan, meminda atau sebaliknya mengubah mana-mana terma, syarat atau peruntukan lain, atau menambah, mana-mana Surat Tawaran atau Perjanjian ini atau mana-mana Dokumen Sekuriti lain mengikut keperluan, berdasarkan kepada polisinya dan pindaan, perubahan atau penambahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh tertentu sepertimana yang ditetapkan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya.</i>